

'Kenyataan Shafie guris hati kami'

Rela Kuala Langat buat laporan polis, gesa Presiden Warisan itu mohon maaf

KUALA LANGAT - Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) Kuala Langat membuat laporan polis terhadap Presiden Parti Warisan Sabah (Warisan), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang didakwa mempersoalkan kredibiliti dan memperlekeh peranan jabatan itu.

Ketua Perhubungan Rela Kawasan, Azhar Md Yusof berkata, laporan itu dibuat bertujuan menggesa pihak berkuasa segera menyiasat dan mengambil tindakan tegas ke atas Shafie supaya kejadian sama tidak berulang pada masa depan.

Menurutnya, mereka juga menuntut Shafie membuat permohonan maaf secara terbuka kerana tindakan tersebut mengguris perasaan seluruh anggota Rela.

"Tidak sepatutnya pemimpin yang cerdas sanggup berkata demikian.

"Kenyataan yang dibuat beliau bukan saja mengguris hati hampir 3 juta anggota Rela di seluruh negara malah dianggap menghina kredibiliti anggota sukarelawan," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat, semalam.

Azhar berkata, laporan



Azhar (empat, kanan) bersama 34 anggota Rela berkumpul di IPD Kuala Langat, semalam.

Saya harap Shafie tarik balik kenyataan beliau yang tidak benar mengenai Rela. Sebagai anggota di dalam komuniti keamanan domestik sentiasa jadi keutamaan kami." - Azhar

yang dibuat itu mewakili 30,000 anggota Rela di daerah ini.

"Kami ni bertugas tak kira masa...bantu polis, jaga kawasan, buat rondaan. Tak kira apa pun situasi, panas ke...hujan ke...banjir ke,

kami tetap bertugas dengan penuh dedikasi. Jadi bila ada yang mempertikaikan tugas kami, kami terasa hati.

"Saya harap Shafie tarik balik kenyataan beliau yang tidak benar mengenai Rela. Sebagai anggota di dalam


komuniti keamanan domestik sentiasa jadi keutamaan kami," katanya kepada pemberita semalam.

Baru-baru ini Shafie mempersoalkan kredibiliti dan memperlekeh peranan anggota Rela yang ditugaskan di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esszone).

Menerusi sebuah video berdurasi 21 saat yang telah tular, Shafie mempertikaikan tindakan menempatkan anggota Rela yang tidak mahir dalam mengendalikan senjata di Esszone.

Saran kemukakan surat permohonan kepada ICU JPM

BANDAR SUNGAI EMAS - Ahli jawatankuasa Surau As Salam, Bandar Sungai Emas disaran mengemukakan surat permohonan kepada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) berhubung dana tambahan menaik taraf kemudahan yang dipohon.



SULAIMAN

Pengerusi Majlis Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, sebelum ini pihaknya telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM150,000 bagi pembinaan surau yang baharu selepas 11 tahun ahli kariah menunaikan solat di sebuah kabin.

Menurutnya, bagaimanapun difahamkan pihak surau masih memerlukan dana untuk beberapa kemudahan lain termasuk pembinaan tandas dan bilik air.

“Saya saran ahli jawatankuasa hantar permohonan bertulis dan saya sendiri akan menyokong permohonan itu. Sudah semestinya tandas dan bilik mandi antara kemudahan utama yang diperlukan selepas dimaklumkan jemaah terpaksa berkongsi tandas untuk lelaki dan wanita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi maklum balas berhubung isu permohonan dana sebanyak RM130,000 untuk membina kemudahan di surau itu.

“Sudah tiba masanya kita bantu ahli kariah yang berhasrat untuk menggerakkan pelbagai aktiviti di surau dengan kemudahan terbaik,” katanya.

Sebelum ini, surau tersebut sempat disiapkan bagi kegunaan jemaah untuk bertarawih dan pada tahun ini pihak surau berhasrat menjalankan solat sunat Aidilfitri buat pertama kali di surau berkenaan.

Semalam, *Sinar Harian* melaporkan penduduk Bandar Sungai Emas memohon dana tambahan sebanyak RM130,000 untuk pembinaan dan menaiktaraf tandas, bilik mandi jenazah, pagar dan bilik mesyuarat.



Hisham (tengah) bersama Noraini pada Program Baik Pulih Rumah Secara Gotong-Royong di Kampung Permatang Pasir.

Bantuan baiki rumah rezeki tahun baharu

PERMATANG PASIR - 'Akak tak pernah mohor mana-mana pihak untuk bantuan baik pulih rumah, tapi tak sangka pula ada pihak datang nak baiki,' demikian kata seorang penduduk yang menerima bantuan baik pulih di Permatang Pasir.

Noraini Mohd Subuh, 47, berkata, bumbung bocor dan dinding rumah yang uzur sejak 20 tahun lalu terpaksa dibiarkan akibat kekangan kewangan.

Menurutnya, pernah beberapa kali menyimpan wang sehingga RM2,000 untuk membaik pulih rumah tetapi wang yang disimpan

digunakan untuk tujuan lain.

"Alhamdulillah...tak sangka ada pihak datang beritahu nak baiki zink, dinding yang reput. Akak anggap ini rezeki tahun baru," katanya.

Noraini merupakan antara tiga penerima yang dipilih di Kampung Permatang Pasir untuk menerima bantuan baik pulih rumah dari Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, Dalam pada itu, Koordinator Pembangunan Dewan Undangan Negeri Persekutuan Morib, Hisham

Talib, bantuan itu disalurkan kepada penerima yang berada di paras kemiskinan.

"Kita beri sumbangan kepada pihak yang mempunyai struktur rumah yang uzur. Kita berharap pihak yang menerima bantuan dapat jalani kehidupan dengan lebih selesa," katanya kepada selepas Program Baik Pulih Rumah Secara Gotong-Royong di Kampung Permatang Pasir.

Katanya, kerja baik pulih diadakan dengan kerjasama penduduk kampung yang bergotong-royong mengecat dan memasang atap rumah penduduk.